

HSSE

BULETIN

ISU 22

BENCANA ALAM

Adakah Anda Bersedia?



KESELAMATAN
MS | 2
BENCANA ALAM



KESIHATAN
MS | 4
DIABETES



ALAM SEKITAR
MS | 7
TATAAMALAN PENGURUSAN
BUANGAN TERJADUAL

BENCANA ALAM

Apa anda perlu tahu tentang Bencana Alam?

Bencana alam ialah bencana yang disebabkan oleh peristiwa atau rangkaian kejadian yang disebabkan oleh alam seperti gempa bumi, tsunami, letusan gunung berapi, banjir, kemarau, dan tanah runtuh.

Banjir besar di lembah Klang dan Semenanjung Malaysia 2021-2022

Banjir yang berlaku pada bulan Disember 2021 tersebut telah meragut banyak nyawa dan dikatakan paling tinggi dalam sejarah bencana banjir di Malaysia. Bencana yang tidak dijangka ini bukan sahaja meragut nyawa, tetapi juga kemusnahan harta benda yang besar.

Persiapan sebelum, semasa dan selepas bencana banjir

Banjir ialah keadaan air yang menenggelami atau mengenangi sesuatu kawasan atau tempat yang luas. Banjir merupakan satu geobencana pasif iaitu bencana yang berkaitan dengan aktiviti manusia. Banjir berlaku pada kepantasan sederhana tetapi mempunyai saiz bencana yang besar.

Sebelum



Simpan nombor kecemasan seperti Balai Polis, Hospital dan Balai Bomba



Simpan dokumen/ barangan berharga dengan selamat



Sediakan keperluan asas dengan bijak



Peka dengan maklumat terkini (Radio, TV dan Media Sosial)

Semasa



Minum air bersih



Menjaga kebersihan dan keselamatan makanan



Pantau aktiviti kanak-kanak dan elakkan dari bermain banjir



Tangani stress dengan bijak



Dapatkan rawatan segera jika demam, muntah dan cirit birit

Selepas



Pakai alat pelindung diri semasa melakukan kerja pembersihan seperti kasut dan sarung tangan



Elakkan makanan dan minuman yang terdedah kepada air banjir



Tidak bermain air banjir untuk mengelakkan daripada penyakit bawaan air



Lupuskan sampah dan bangkai binatang dengan cara yang betul

Kenali Agensi dan Jabatan yang berkaitan



Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA)

03-8064 2400



Angkatan Pertahanan Awam (APM)

03-2687 1400

Jika berlaku sebarang kecemasan atau bencana, segera hubungi Talian Kecemasan – 999 atau ibu pejabat yang berhampiran anda.

Apakah Risiko Banjir?



Keracunan Makanan – disebabkan pengambilan makanan dan minuman yang tercemar oleh kuman/toksin



Kolera /Taun - Penyakit bawaan air dan makanan akibat jangkitan “Vibrio cholerae” dan menyebabkan cirit-birit yang teruk



Leptospirosis - penyakit zoonosis yang disebabkan oleh bakteria (genus leptospira) menjangkiti melalui air dan makanan yang dicemari dengan air kencing tikus

FAKTA

Tahukah anda? 3.5 Juta

penduduk dewasa
di Malaysia menghidap


Diabetes / Kencing manis



Apa itu Diabetes?

Keadaan tahap gula di dalam darah lebih tinggi dari normal. Ia adalah faktor utama untuk mendapat sakit jantung dan angin ahmar.

Punca Diabetes




Berlebihan berat badan atau kegemukan



Tidak bersenam dan gaya hidup tidak aktif



Pengambilan makanan tinggi lemak dan kurang serat



Keturunan - mempunyai sejarah ahli keluarga yang menghidap diabetes



Peningkatan umur

Simptom Diabetes



Hilang berat badan



Kerap membuang air kecil pada waktu malam



Kerap lapar dan dahaga



Sering keletihan



Penglihatan menjadi kabur

Cara Cegah Diabetes



Lebihkan sayur dan buah-buahan dalam menu harian



Kerap bersenam dan melakukan aktiviti fizikal



Hindari rokok dan alkohol



Lakukan pemeriksaan kesihatan secara berkala

KESELAMATAN JALAN RAYA

Tips Pemanduan Selamat

Berhenti di tempat yang selamat sekiranya ingin menggunakan telefon bimbit

Pemandu dan penumpang mestilah memakai tali pinggang keledar pada setiap masa.

Periksa keadaan kenderaan sebelum memulakan perjalanan. Selenggara kenderaan mengikut jadual yang ditetapkan

Jangan pandu laju dan awasi had laju. Sentiasa mematuhi had laju yang ditetapkan

Berhemah di jalan raya. Beri laluan kepada pengguna jalan raya yang lain, seperti penunggang motosikal atau basikal, serta pejalan kaki

Jaga jarak. Jangan mengekori kenderaan lain terlalu dekat

Guna kerusi keselamatan kanak-kanak. Pastikan anak anda memakai kerusi keselamatan kanak-kanak di dalam kenderaan

PENGAJARAN DARIPADA KEJADIAN KEMALANGAN 2021

Butir-butir kejadian

Ketika membuat penyelenggaraan forklif di tempat pelanggan, pekerja tersebut cuba mengeluarkan bolt bagi mengalirkan minyak enjin keluar. Bolt tersebut terlalu ketat menyebabkan dia terpaksa membukanya menggunakan tangan. Tangan kirinya telah terkena objek tajam di bahagian tepi mesin, menyebabkan tangannya cedera.

Tarikh kemalangan

15 Disember 2021

Bilangan hilang hari bekerja

7 hari

Langkah pembaikan

1. Memastikan pekerja menggunakan peralatan (tools) yang betul ketika kerja-kerja baikpulih dan penyelenggaraan mesin.
2. Memastikan pekerja memakai sarung tangan yang bersesuaian supaya dapat mengelakkan tangan daripada terkena bucu mesin dan objek yang tajam.
3. Memastikan pekerja berada di kedudukan yang betul dan selamat ketika bekerja
4. Memberi taklimat keselamatan kepada pekerja terutamanya langkah-langkah keselamatan ketika bekerja di tempat pelanggan.



Tangan mangsa terkena objek tajam pada mesin

PENSIJILAN SEMULA ISO 45001:2018

ISO 45001:2018 merupakan Sistem Pengurusan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan yang telah menggantikan OHSAS 18001:2017. Pada tahun 2021, Kumpulan UMW telah berjaya melalui Pensijilan Semula (Recertification) ISO 45001:2018. Syarikat-syarikat tersebut adalah seperti berikut :

- | | |
|--|--|
| UMW Corporation S/B | UMW Industrial Power Services S/B,
Bukit Minyak |
| UMW Industries (1985) S/B,
Shah Alam | UMW Industries (1985) S/B,
Kuantan |
| UMW Equipment S/B,
Shah Alam | UMW Equipment S/B,
Kuantan |
| UMW Industrial Power Services S/B,
Shah Alam | UMW Industries (1985) S/B,
Ipoh |
| UMW Industries (1985) S/B,
Johor Baharu | UMW Equipment S/B,
Ipoh |
| UMW Equipment S/B,
Johor Baharu | Lubetech S/B |
| UMW Industrial Power Services S/B,
Johor Baharu | UMW Aerospace S/B |
| UMW Industries (1985) S/B,
Bukit Minyak | KYB-UMW Malaysia S/B |
| UMW Equipment S/B,
Bukit Minyak | Automotive Industries S/B |

Audit bagi Pensijilan Semula ini telah dijalankan SIRIM QAS International Sdn. Bhd. Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan ISO 45001 telah memberi banyak manfaat dalam membantu syarikat menguruskan hazard dan risiko di tempat kerja dan seterusnya mampu mengurangkan kecederaan dan penyakit pekerjaan di tempat kerja.

SPOT THE HAZARD WINNERS



NAJMUDDIN SYAH
UMW Industrial Power Services,
Shah Alam



NIZAR UZAIRI ISMAIL
UMW Corporation,
Kuala Lumpur



DOLLY HUONG MING MING
UMW Industrial (1985),
Miri



CONSOLATION PRIZES

UMW East Malaysia,
Miri
LIAN SZE SZE

UMW Corporation,
Kuala Lumpur

ELIA FARAHA BINTI SARAN
SYAZZELIN SULAIMAN
SITI SARAH BINTI AZHARI
ABDUL RAHMAN RUSLAN
MOHAMMAD ASYRAF KAMARUDDIN
NOR' ATHIRAH BINTI NOR' AZLAN

MUATNAIK KEPUTUSAN UJIAN KENDIRI RTK

2

Klik butang 'Add Test Result'



1

Klik butang 'RTK Result' pada applikasi SafeUhub anda



3

Isikan maklumat ujian sendiri anda (tarikh ujian, keputusan dan muatnaik foto) dan klik butang 'Add Result'



TATAAMALAN PENGURUSAN BUANGAN TERJADUAL

1. Buangan terjadual adalah apa-apa buangan yang disenaraikan di dalam Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.
2. Buangan terjadual boleh dikelaskan melalui pengenalpastian proses penghasilan buangan tersebut dan bahan mentah yang digunakan.
3. Buangan terjadual boleh dirujuk kepada 77 KOD SW di dalam Jadual Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005, berdasarkan maklumat ciri-ciri buangan, proses dan bahan mentah seterusnya dilabelkan berdasarkan Jadual Ketiga, peraturan ini.

Pelabelan Buangan Terjadual



BAHAN MUDAH TERBAKAR



BAHAN LETUPAN



HAKISAN



BAHAN TOKSIK



BAHAYA BILA BASAH



PEPEJAL MUDAH TERBAKAR



AGEN PENGOKSIDAN



PEROKSIDA ORGANIK



PELBAGAI

4. Pengurusan buangan terjadual adalah berbeza dengan buangan lain. Pengendalian dan pengurusannya hendaklah mengikut Pusat Pengajian Kimia & Alam Sekitar PPKAS (Buangan Terjadual) 2005 dan garis panduan Jabatan Alam Sekitar (JAS) yang berkaitan dan diselia oleh orang yang kompeten di setiap syarikat.



COVID-19 DOS 1 & 2, PIKAS
KUMPULAN UMW
15 JULAI – 30 OGOS 2021



LATIHAN ATAS TALIAN 'EMPOWERING
SAFETY AND HEALTH COMMITTEE'
KUMPULAN UMW
29 JULAI 2021



UJIAN BERKALA COVID-19
KUMPULAN UMW
OGOS – DISEMBER 2021



PEMANTAUAN 'LOCAL EXHAUST
VENTILATION (LEV)'
UMW AEROSPACE S/B
18 & 19 OGOS 2021



PEMANTAUAN PENDEDAHAN
BAHAN KIMIA
UMW AEROSPACE S/B
19 OGOS 2021



UJIAN AUDIOMETRIK
LUBETECH S/B
30 SEPTEMBER 2021



PENTAKSIRAN BUNYI BISING
UMW (EAST MALAYSIA), MIRI
8 OKTOBER 2021



LATIHAN 'AUTOMATED EXTERNAL
DEFIBRILLATOR' (AED)
UMW SHAH ALAM
28 OKTOBER 2021



MESYUARAT DAN PERJUMPAAN
TAHUNAN JAWATANKUASA
KESELAMATAN DAN KESIHATAN
UMW CORPORATION S/B
29 OKTOBER 2021



AUDIT PEMATUHAN STATUTORI
TOYOTA BOSHOKU UMW
15 NOVEMBER 2021



AUDIT PEMATUHAN STATUTORI
ASSEMBLY SERVICES SDN. BHD. (ASSB)
2 DISEMBER 2021



LATIHAN 'OHS MONITORING,
MEASUREMENT, ANALYSIS &
PERFORMANCE'
KUMPULAN UMW
6 & 7 DISEMBER 2021